

16 JUN 1999

ALAM SEKITAR: LANGKAH MEMELIHARA KUALITI UDARA DIPERTINGKAT

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar meningkatkan penguatkuasaan terhadap pihak yang bersalah melakukan pembakaran secara terbuka.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata arahan itu adalah bagi memelihara kualiti udara dan "bukan kerana kualiti udara kita tidak baik."

"Udara kita adalah baik dan memuaskan, dan tidak ada apa yang perlu dibimbangkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyampaian buku-buku mengenai alam sekitar, di sini, hari ini.

Pada waktu yang sama, kata beliau, penguatkuasaan di kawasan sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), juga akan dipertingkatkan.

Law berkata mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar Asean pada 6 Julai ini, di sini, akan membincangkan isu pembakaran terbuka sebagai agenda utamanya.

Beliau berkata kementeriannya juga merancang menganjurkan beberapa seminar serantau mengenai pembakaran sifar.

Seminar tersebut akan dihadiri pegawai-pegawai Kementerian Alam Sekitar Asean dan tuan punya ladang dari negara Asean.

--BERNAMA

MEO ZB